

# Kebanyakan ketua negara sahkan penyertaan ke Sidang Kemuncak OIC

KUALA LUMPUR 13 Sept. — Kebanyakan ketua negara dan pemimpin kerajaan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) telah mengesahkan akan menyertai Sidang Kemuncak OIC Ke-10 di Putrajaya bulan depan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, antara alasan yang diberikan oleh para pemimpin terbabit, mereka ingin mendengar ucapan terakhir bakal Pengerusi OIC, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan bersara sebagai Perdana Menteri pada hujung bulan depan.

“Antara ketua-ketua negara

yang mengesahkan kehadiran mereka ialah Arab Saudi, Senegal, Indonesia dan Oman,” katanya kepada media di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan penyerahan 67 buah kereta baru BMW siri 7 yang akan digunakan sebagai kereta rasmi pada persidangan tersebut yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

Hadir sama pada majlis itu Ketua Pegawai Eksekutif Cartrade Sdn. Bhd. Ilyas Mohamed.

Sehubungan ini kata Syed Hamid, pihaknya telah menghantar surat kepada semua ketua keraja-

an terbabit dan mereka memberi reaksi yang amat membanggakan.

Sementara itu ketika diminta mengulas tindakan liar Israel yang terus angkuh dengan cuba mengusir dan membunuh Presiden Palestin, Yasser Arafat beliau berkata:

“Dr. Mahathir selaku Pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) menerusi wakilnya di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu akan mengemukakan isu itu ke Majlis Keselamatan pada Isnin ini.”